

BK

BCONEWS

PM GESA JEPUN LABUR DALAM BARANGAN KEJURUTERAAN TINGGI YANG BARU
(Embargo: untuk siaran selepas 10 malam)

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa pelabur-pelabur Jepun, yang duhulunya menumpukan perhatian pada sektor eletronik dan peralatan rumah, supaya menimbang mempelbagaikan kegiatan dalam bidang barangan baru yang mempunyai kandungan kejuruteraan yang tinggi.

Beliau mencadangkan keluaran seperti peralatan mesin dan barangan jitu akan mendapat sambutan yang menggalakkan di sini memandangkan pekerja Malaysia cepat memperolehi kemahiran, lebih-lebih lagi barangan seperti itu memerlukan input tenaga kerja yang kurang.

"Dengan sedikit latihan dalaman, pekerja-pekerja Malaysia akan memperolehi kemahiran yang diperlukan," katanya pada majlis jamuan makan malam sempena ulangtahun ke 10 Dewan Perdagangan dan Industri Jepun, Malaysia (JACTIM), malam ini.

Dr Mahathir berkata walaupun gaji mereka lebih tinggi daripada pekerja-pekerja kurang mahir dalam industri berintensif buruh, namun kosnya adalah lebih rendah daripada gaji pekerja Jepun.

Oleh itu, dasar pendidikan dan Akta Pendidikan perlu dipinda dan kerajaan, seperti masa lalu, akan bertindak segera dan secara positif terhadap keperluan yang sering berubah terhadap perindustrian dan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata peluang adalah baik buat kali kedua bagi penempatan semula perindustrian Jepun ke Malaysia berikutan peningkatan yen kali kedua selepas matawang Jepun meningkat hasil Perjanjian Plaza pada pertengahan 80-an dan kemelesetan di Jepun.

Katanya penempatan semula seperti itu seharusnya membantu industri-industri Jepun mengatasi kenaikan nilai yen dan kemelesetan ekonomi di Jepun berikutan kos keseluruhan yang rendah serta produktiviti yang tinggi bagi tenaga buruh tempatan.

Dr. Mahathir juga berkata skim kerajaan yang mana JACTIM dan ahli perniagaan Jepun boleh memainkan peranan ialah pengalakan skim pembekalan Malaysia dalam pengeluaran komponen elektronik dan elektrik.

Skim yang serupa bagi industri motor telah berjalan dengan jaya bagi faedah bersama antara pembuat komponen Malaysia dan Jepun.

Beliau juga berkata JACTIM boleh membantu dengan mengumumkan keputusan hasil daripada kejayaan dasar penswastaaan kerajaan yang akan meningkatkan keseluruhan kecekapan kepada bakal-bakal pelabur dari Jepun.

Di antara pemuliharaan ialah pentadbiran yang berkesan berikutan penyelarasan dan penyusunan semula jabatan-jabatan kerajaan yang dengan mengurangkan perbelanjaan telah mendatangkan hasil yang memuaskan.

Pelabuhan, lapangan terbang, lebuhraya, telekomunikasi dan elektrik kini lebih cekap dan berupaya menampung keperluan para pelabur, katanya, sambil menambah ia membolehkan Malaysia bersaing dengan negara-negara yang mempunyai tenaga buruh yang murah.

Malaysia, katanya, telah menunjukkan pencapaian yang memuaskan disebalik kelembapan ekonomi dunia dengan adanya kestabilan politik dan tenaga buruh yang mahir dan yang berjaya menarik kemasukan pelabur asing.

"Ini disertai dengan kelonggaran terhadap penyertaan ekuiti tempatan dalam industri eksport telah berjaya menarik kemasukan lebih banyak pelabur asing dalam bidang pembuatan di sini," katanya.

Dr. Mahathir berkata pelabur Jepun kian meningkat tahun demi tahun. Kini terdapat 1,045 projek pembuatan melibatkan modal pelaburan kira-kira RM16,700 juta yang telah diluluskan antara tahun 1980 hingga 1992 dan telah mewujudkan sebanyak 200,800 peluang pekerjaan.

Beliau juga berkata tahun lalu, cadangan pelaburan Jepun merupakan yang ketiga terbesar di Malaysia, dengan 146 projek perkilangan melibatkan pelaburan sejumlah RM2,680 juta telah diluluskan.

Berbanding dengan pelaburan dari segi aset tetap dari negara-negara lain, Jepun berada di tangga pertama. Daripada jumlah pelaburan, sebanyak 34.6 peratus disumbangkan dari penyertaan ekuiti oleh pelabur-pelabur asing.

Jepun juga merupakan rakan dagang Malaysia terbesar dalam tahun 1992, mencatatkan 19.6 peratus daripada keseluruhan dagangan, tetapi ia merosot 2.4 peratus, katanya sambil menambah defisit dagangan Malaysia dengan Jepun juga merosot, disebabkan import barangan modal, barangan perantaraan dan komponen terutamanya bagi projek pelaburan Jepun di Malaysia.

Selain daripada hubungan ekonomi, Dr Mahathir berkata Jepun dan Malaysia akan mendapat faedah jika mereka mempunyai hubungan sosial yang baik di antara ahli perniagaan Jepun dan ahli pentadbirannya. -- Bernama